

Memandangkan pelaksanaan Projek Parlimen dilaksanakan secara berfasa, maka jangkaan bagi penyiapan keseluruhan projek adalah pada tahun 2019.

Antara faktor utama yang menyebabkan projek ini tidak dapat dilaksanakan secara serentak adalah kerana;

- Masalah pengambilan balik tanah terpaksa dilakukan dahulu bagi menampung kekurangan kawasan yang sesuai untuk dijadikan sebagai tapak projek.
- Pelaksanaan setiap fasa yang bergantung kepada penyediaan kemudahan sementara serta infrastruktur kekal yang tidak dapat disediakan sekaligus. Contohnya; Penyediaan Pejabat Sementara, Blok-Blok Servis Mekanikal dan Elektrik, Terowong Servis dan Pencawang Utama 33KV.

Menjawab soalan Ahli Yang Berhormat mengenai perkembangan terkini Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Bangunan Parlimen Malaysia, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini, bahawa kerja-kerja menaiktaraf Kompleks Parlimen Malaysia telah bermula pada Mac 2011 dan dijadualkan akan siap sepenuhnya pada tahun 2019. Secara keseluruhannya, kemajuan kerja bagi keseluruhan fasa adalah sebanyak 54% dan ianya menepati jadual yang telah dirancang.

Sekian, terima kasih.